

Headline	Cabaran meniti Titian Silara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	38	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	614 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,377
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,131



Cabaran meniti Titian Silara

Keseronokan berganda di FRIM

B erada di Kota Metropolitan seperti Kuala Lumpur adakala menyenangkan jiwa dan minda.

Pelbagai tekanan harus dilalui seperti kerja, kesesakan lalu-lintas, pencemaran udara ditambah pula dengan kekurangan pokok yang menjadi agen pengeluaran gas oksigen.

Namun, semua itu berakhir apabila anda menjiejakkan kaki ke Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang terletak di Kepong.

Pohon-pohon yang merimbun memberikan tindak balas secara langsung terhadap anggota badan.

Sejuk mata memandang pohon menghijau yang melatar FRIM. Bukan setakat pepohon sahaja yang anda boleh nikmati di sini, tetapi terdapat banyak aktiviti



WAN MOHD NAFIZUL

disediakan untuk pengunjung. Salah satunya Titian Silara.

Pengunjung perlu membeli tiket berharga RM5 bagi dewasa, RM3 untuk pelajar dan RM1 khas untuk kanak-kanak berumur tujuh tahun ke atas.

Harus diingat, anda perlu membeli tiket di Pusat Perkhidmatan Setempat terlebih dahulu agar tidak perlu berpatah kembali untuk mendapatkannya.

Usai dapat tiket, mulakan perjalanan dan pendakian jalan tanah yang dikenali sebagai Rover Track kira-kira 900 meter untuk sampai ke tanah lapang.

Peluh mula menjengah sewaktu pendakian ini. Namun, kepenten tidak dirasai kerana keasyikan panorama membuatkan anda lupa mengenainya.

Tiba di kawasan lapang, anda boleh melakukan senaman ringkas untuk melancarkan peredaran darah supaya anggota badan tidak 'terkejut'.

Di sini juga terdapat papan tanda bahawa anda perlu mendaki bukit curam sejauh 500 meter.

Pendakiannya lebih mudah kerana FRIM menyediakan lebih kurang 270 anak tangga.

Treknya tidak sukar, malah anda akan berasa selamat semasa mendaki. Untuk sampai ke Titian Silara ini, anda mungkin terpaksa berhenti rehat seketika seperti



Serahkan tiket anda kepada petugas di sini.



Pemandangan sebahagian Kuala Lumpur boleh dilihat dari sini.

- Terletak di Hutan Simpan Bukit Lagong.
- Dibina pada tahun 1992.
- Dahulunya dikenali sebagai Canopy Walk Way.
- **Waktu operasi:** 9.30 pagi sehingga 2.30 petang.
- **Hari operasi:** Setiap hari kecuali Isnin dan Jumaat.
- Ditutup ketika hujan dan dibuka selepas dua jam.

INFO

penulis alami. Kira-kira 20 minit mendaki, akhirnya tiba di check point utama Titian Silara dengan kedudukan yang agak curam.

Titian Silara atau dahulunya dikenali sebagai Canopy Walk Way berada pada ketinggian 30 meter dari lantai bumi dan 150 meter panjang.

Pertama kali mencuba jambatan gantung Titian Silara ini, pasti terbit rasa gerun apabila hanya kelihatan pucuk pepohon di bawah sana.

Penolong Pegawai Penyelidik Program Ekopelancongan dan Hutan Bandar, Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar, Wan Mohd Nafizul Wan Ahmad berkata, aspek keselamatan menjadi

keutamaan FRIM dalam menyediakan kemudahan kepada pengunjung.

"Kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan setiap hari sebelum dan selepas Titian Silara ini dibuka kepada pengunjung," katanya.

Menurutnya, seramai 250 pengunjung sehari dibenarkan menaiki Titian Silara ini.

"Ini adalah untuk memastikan pokok sedia ada tidak terganggu kerana terpaksa menampung lebihan berat daripada yang sepatutnya," katanya.

Untuk menjamin 'kesihatan' pokok yang digunakan, Titian Silara ditutup pada Jumaat dan Isnin.

Beliau berkata, sebagai sesuatu yang hidup, pokok-pokok terdedah kepada tekanan dan kegagalan biofizikal yang lain.

"Untuk mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini, pengunjung harus mematuhi arahan yang diberikan," katanya.

Selain mendapat pengalaman meniti Titian Silara, di Pelantai 2, anda dapat melihat panorama sebahagian Lembah Klang seperti Bangsar, Damansara malah Menara Berkembar Petronas, KLCC.

Susunlah jadual anda supaya dapat menikmati ketenangan dan keindahan alam sekitar hanya di Kuala Lumpur!